

## **PERSOALAN ALAM SEKITAR BUKAN SEKADAR ISU PENCEMARAN: PERUBAHAN PARADIGMA DIPERLUKAN**

Prof. Datuk Ir. Dr. Zaini Ujang

Persoalan alam sekitar bukan sekadar isu keselamatan dan kesihatan awam. Sejak pencemaran alam sekitar mendapat liputan meluas media Barat pada tahun 1960-an, dinamisme perbahasan dan isu melampaui aspek teknikal, saintifik dan pengurusan. Malah, pada hemat saya, persoalan alam sekitar ketika ini menjadi agenda politik dan falsafah utama di peringkat antarabangsa.

Ketika pemimpin negara-negara G8 bersidang di Hokkaido, Jepun pada Jun lalu, isu utama yang dibahaskan ialah komitmen untuk menangani peningkatan suhu bumi. Ketika debat politik kian membara dalam perebutan jawatan Presiden Amerika Syarikat ketika ini, isu alam sekitar juga menjadi antara agenda terpenting semua calon presiden. Hal yang sama turut berlaku di kebanyakan negara maju. Malah rakyat Australia telah komited untuk menukar kerajaan dalam pilihanraya lalu kepada parti yang lebih prihatin kepada alam sekitar kerana sebelum itu imej negara tersebut sinonim sebagai “pengotor” bersama Amerika Syarikat di kalangan negara maju.

Justeru ketika memperkatakan persoalan alam sekitar kita tidak lagi boleh memperkecilkan skop dan impaknya. Dalam konteks semasa, impak pencemaran alam sekitar sudah menjadi global yang terserlah menerusi fenomena pemanasan suhu bumi, pencemaran merentasi sempadan dan corak pengembelengan sumber tidak lestari. Berbanding pada awal tahun 1960-an, isu alam sekitar bersikap lokal dan tidak begitu memberi impak jika ditinjau dari perspektif pencemaran dan kesan kepada ekosistem regional atau global. Namun ketika ini, kesan regional dan global begitu dirasakan kerana asas ekosistem sudah tidak lagi mampu menampung beban pencemaran (pollution load). Inilah yang dimaksudkan bahawa ekosistem sudah mencapai tahap tidak lestari.

“Lestari” dalam konteks pengurusan alam sekitar bermakna tahap ekosistem yang masih boleh menampung beban pencemaran untuk suatu tempoh masa jangka panjang. “Tidak lestari” memberi konotasi bahawa ekosistem menerusi keempat-empat komponen utamanya iaitu hidrosfera, atmosfera, geosfera dan biosfera menjadi semakin rapuh sehingga tidak dapat lagi menampung dan menyerap kesan negatif bahan-bahan cemar yang dibebaskan menerusi pelbagai proses tabii atau aktiviti manusia.

Dalam suasana yang semakin kritikal ini, banyak gagasan, pendekatan dan inisiatif dikemukakan. Pelbagai konvensyen dan protokol dipersetujui dalam konteks hubungan antarabangsa. Dasar dan pendekatan baru turut diperkenalkan dalam semua aspek dan aktiviti pembangunan. Ideologi dan falsafah hidup juga dianjurkan oleh pelbagai mazhab atau aliran pemikiran dengan kepelbagaiannya. Malah pertubuhan pengguna menganjurkan gagasan “konsumerisme hijau” dan ahli kimia pula dengan gagasan “kimia hijau”.

Kesemua gagasan dan inisiatif ini – jika dikaji secara mendalam – menjurus kepada pendekatan holistik dalam menangani perubahan iklim, pencemaran alam sekitar dan kepupusan sumber alam. Kenapa pendekatan holistik diperlukan sedangkan isu alam sekitar tampak cuma bersifat fizikal dan teknikal? Bukankah teknologi dan pendekatan saintifik boleh menyelesaikan persoalan dan pencemaran alam sekitar? Apa perlu pendekatan “dalaman” dan falsafah?

Soalan-soalan sedemikian – jika masih diajukan – menunjukkan tahap kefahaman yang dangkal dan tidak memahami isu pokok. Saya menjelaskan hal ini kerana sering kedengaran hujah atau kenyataan di kalangan pemimpin dan kelompok terpelajar dalam pelbagai media yang menanggapi isu alam sekitar sekadar isu pinggir, remeh dan teknikal, sepertimana isu kesesakan lalu lintas dan cetak rompak.

Kenyataan bahawa pemimpin negara-negara maju, pemikir dan perancang ekonomi membahaskan isu pemanasan bumi, perubahan iklim dan pencemaran alam sekitar dalam hampir setiap persidangan menunjukkan bahawa tahap kelestarian alam sekitar semakin parah. Dan pendekatan serta kaedah yang diamalkan ketika ini sudah tidak lagi efektif.

Laporan Stern 2006 menjelaskan jika tidak ada perubahan drastik dibuat terhadap paradigma pembangunan dilaksanakan kini maka dunia akan terpaksa menanggung kos penyelesaian bencana akibat peningkatan suhu bumi pada dekad akan datang melebihi kos (dalam bentuk GDP) akibat Perang Dunia Kedua!

Dalam hal ini, saya tertarik dengan buku terkini yang dihasilkan Peter Senge, Sebagai tokoh pemikir dalam bidang pembelajaran organisasi menerusi konsep “Learning organization” dalam bukunya *The Fifth Discipline*, saya menyedari perubahan keutamaan dalam hidup dan pemikiran Senge. Bagi beliau sesebuah organisasi dan anggotanya perlu peka terhadap perubahan semasa. Bagi beliau, menerusi buku terbarunya, *The Necessary Revolution* (2008), perubahan terbesar yang sedang berlaku ketika ini ialah pendekatan untuk menangani peningkatan suhu bumi.

Sehubungan itu, Senge mengemukakan tiga prinsip untuk dilaksanakan segera bagi membolehkan kehidupan dunia lebih lestari, iaitu:

- Perancangan dan pelaksanaan berasaskan pembangunan lestari
- Tindakan tidak lagi boleh diserahkan kepada kesedaran dan komitmen individu atau kelompok berkepentingan sahaja
- Perubahan perlu dilakukan dengan kaedah dan pemikiran baru

Pembangunan lestari bermakna pembangunan tanpa menjejaskan sumber dan keperluan generasi akan datang. Dengan kata lain, penyelesaian kepada apa juga masalah semasa – daripada krisis makanan, peningkatan harga bahan api

fosil, pengangkutan, urbanisasi sehinggalah pendidikan - perlulah dirumus menggunakan pendekatan lestari menerusi pengurangan tapak ekologi atau analisis kitaran hayat.

Agenda dan tindakan dirumuskan itu perlu didokong bersama-sama, sama ada dalam bentuk organisasi atau komuniti. Menurut Senge, kita tidak boleh lagi mengharapkan komitmen individu secara sukarela untuk melakukan perubahan besar kerana skala perubahan diperlukan untuk melestarikan dunia memerlukan inisiatif revolusi pada peringkat global dan sistemik.

Itulah rasional perubahan tersebut perlu dilakukan dengan paradigma, kaedah dan asas pemikiran baru. Menurut Einstein, kita tidak boleh menyelesaikan sesuatu masalah menggunakan kaedah pemikiran sama sehingga menghasilkan masalah tersebut.

Saya bersetuju dengan Senge bahawa kaedah penyelesaian kepada pelbagai masalah ekosistem ketika ini semakin sulit kerana kita terlalu terikat dengan pengkhususan ilmu, kepakaran “profesional”, teknologi dan kerena birokrasi yang tidak dicerna secara bersepadu. Ini menyebabkan cara berfikir disempitkan sehingga menghalang kita memahami masalah dari perspektif sebenar.

Dalam konteks pemikiran Islam, pelbagai gagasan baru dikemukakan tetapi tidak begitu menjurus kepada isu perubahan suhu bumi. Kebanyakan sarjana yang menulis tentang alam sekitar mengambil pendekatan kosmologikal dan sebahagian lain menerusi kaedah syariah. Pada hemat saya, kesemua pendekatan tersebut relevan dan perlu dimantapkan lagi.

Namun demikian, isu alam sekitar sudah sedemikian parah yang juga memerlukan pendekatan yang lebih praktikal dan motivasional. Kita tidak lagi boleh berbicara dengan masyarakat secara umumiyat dengan menyatakan konsep alam, tanggungjawab fardhu kifayah “memakmurkan bumi” atau tidak “merosakkan bumi”.

Sehubungan itu, saya menganjurkan kita – umat Islam khususnya - melakukan perubahan paradigma menerusi penghayatan Islam dalam perspektif lebih lestari. Hal ini dimulakan dengan pembentukan minda lestari dan dipraktikkan menerusi amalan lestari. Konsep dan ajaran Islam perlu ditonjolkan dengan cara mesra alam dan tidak memperkecilkan peranan alam sekitar dalam konteks pengabdian kepada Yang Maha Pencipta.

Sebagai contoh, konsep hijrah boleh digunakan untuk meningkatkan penghayatan hidup lestari. Dalam Al-Quran, kata dasar “h-j-r” digunakan dalam pelbagai keadaan, misalnya untuk meninggalkan perbuatan dosa (menyembah berhala) (Muddatsir: 5), memisahkan isteri dari tempat tidur (An-Nissa’: 34), menjadikan al-Quran sesuatu yang tidak diacuhkan (Al-Furqan: 30), menjauhi mereka (orang yang mendustakan) dengan cara yang baik (Al Muzammil: 10),

berpindah ke tempat yang diperintahkan Tuhan (Al Ankabut: 26), berhijrah pada jalan Allah (An Nisa': 89, Al-Anfal: 72).

Hijrah menandakan suatu pembaharuan, pembaikan dan peningkatan dalam pelbagai segi kehidupan, tidak terhad kepada aspek spiritual sahaja. Dari segi pemikiran, hijrah mendorong pembinaan minda positif, proaktif dan lestari. Dengan keyakinan tinggi, minda positif dan mengharap keredhaan Allah SWT, maka Musa'ab bin Umair sanggup berhijrah meninggalkan seluruh harta, kedudukan dan kemewahannya di Mekah.

Dalam konteks semasa, konsep hijrah perlu terus dikumandang dan direalisasikan untuk kejayaan dunia dan akhirat. Sehubungan itu, konsep hijrah wajar dilihat dari perspektif ketamadunan dan pembangunan lestari. Ini selari dengan gagasan Islam Hadhari sebagaimana yang dikemukakan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Maknanya, hijrah bukan sekadar pembinaan minda dan peningkatan tahap kerohanian individu, bahkan merangkumi seluruh umat Islam dan meliputi seluruh aktiviti kehidupan dari berkeluarga sehingga aspek ketamadunan, seperti pelestarian alam sekitar.

Alam sekitar tidak terhad kepada aspek estetika dan kebersihan fizikal semata-mata. Hakikatnya keseimbangan alam sekitar memberi kesan ketara kepada keharmonian dan kesejahteraan hidup selari dengan kemajuan negara serta kemakmuran bumi. Tanpa rimbunan pokok maka tadahan hujan untuk bekalan air akan mengurang. Tanpa hutan maka keupayaan menyerap gas karbon dioksida di atmosfera akan berkurangan. Dan tanpa udara yang bebas bahan cemar maka kesihatan awam terancam.

Ajaran agama - tidak terhad kepada Islam - menjelaskan peranan alam sekitar sebagai salah satu unsur terpenting aspek ketuhanan dalam konteks kosmologi. Ajaran Islam pula menjelaskan kedudukan alam sekitar yang kudus dan tertib. Itulah rasionalnya alam sekitar dikemukakan sebagai salah satu teras Islam Hadhari.

Pelestarian dan kepentingan alam sekitar disebutkan secara tersurat dan tersirat dalam banyak ayat Al-Quran dan Hadith. Dalam surah Ali Imran (ayat 191) misalnya, Allah berfirman yang bermaksud: "(iaitu) orang-orang yang mengingati Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): 'Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau, peliharalah kami daripada seksa neraka'". Ayat ini menunjukkan bahawa alam sekitar fizikal dan seluruh carakawala merupakan tanda kebesaran Allah Yang Maha Pencipta. Orang beriman sentiasa berusaha menjadikan alam sekitar terpelihara dan bersih, bukan sahaja dalam keadaan aman malah semasa peperangan. Ajaran Islam mengajar umatnya supaya melestarikan alam sekitar kerana di sebalik kehijauan hutan dan kebiruan langit, tertera ayatullah yang memperlihatkan sifat Allah Yang Maha Kuasa dan Maha Pencipta.

Sehubungan itu, ajaran Islam menerusi pelbagai gagasannya perlu difahami untuk mencetuskan kesedaran baru bagi memperteguhkan komitmen terhadap pelestarian alam sekitar. Setiap umat Islam sewajarnya memperbaharui tekad untuk memantapkan lagi minda lestari dan mengurangkan tapak ekologi (*ecological footprint*) masing-masing. Ini boleh dilakukan dengan mengurangkan penghasilan sisa dan mengoptimumkan penggunaan sumber tenaga, air dan bahan mentah dalam kehidupan harian.

Negara-negara Islam pula perlu lebih proaktif mencari peluang untuk menyumbang mengimarahkan bumi dan mengurangkan kesan pemanasan global. Hal ini penting kerana negara-negara Islam nampaknya tidak menonjol membantu warga alam merealisasikan Protokol Kyoto. Apatah lagi untuk menyerlahkan komitmen terhadap inisiatif pasca Protokol Kyoto selepas tahun 2012.

Secara tidak langsung, keadaan ini menunjukkan kepada dunia seolah-olah ajaran dan umat Islam tidak peka dan tidak relevan kepada isu-isu global yang ketika ini menjadi fokus media dan agenda penting peringkat antarabangsa. Umat Islam hanya menjadi “penerima” bukannya “penyumbang” dalam konteks Mekanisme Pembangunan Bersih (CDM).

Negara-negara Islam juga perlu menyatakan komitmen dalam konteks perancangan untuk melaksanakan pembangunan lestari secara lebih konkrit. Sebagai contoh, Sweden telah meletakkan sasaran pada tahun 2020, negara itu tidak lagi memerlukan minyak sebagai sumber tenaga! Ini kerana minyak merupakan hidrokarbon utama yang menyumbang kepada pemanasan global. Sementara itu, Amerika Syarikat -walaupun tidak menandatangani Protokol Kyoto - telah memulakan inisiatif mengurangkan pelepasan gas-gas rumah kaca dari sektor automobil 25 peratus menjelang 2016 berbanding 2006.

**Prof. Datuk Dr Zaini Ujang ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Teknologi Malaysia dan Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara**